

19 MAR 1996

Mahathir - Melayu

ORANG MELAYU SEKARANG SUDAH BERANI: KATA PM

LANGKAWI, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau melihat orang Melayu sekarang lebih berani berbanding sedikit masa dahulu.

Katanya orang Melayu sekarang sudah berani mengkritik tentang sesuatu yang tidak kena pada mereka, "tetapi kita kena berani dalam semua hal".

"Kita kena berani berdepan dengan rakyat dari semua lapisan bukan sahaja dengan orang atasan tetapi juga yang peringkat bawah," katanya apabila diminta ulasannya mengenai pandangan Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin bahawa orang Melayu sudah hilang keberanian.

"Saya selalu mengkritik orang bawahan tetapi ramai yang tidak berani berbuat begitu kerana takut tidak popular," kata Dr Mahathir.

Pandangan bekas Menteri Kewangan itu, yang disiarkan dalam akhbar pada 10 Mac, antara lain menyebut orang Melayu tidak diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka.

Perdana Menteri berkata mungkin ada yang menganggap keberanian seseorang itu diukur pada sejauh mana dia membuat kritikan.

Mengenai cadangan Menteri Pelancongan dan Kesenian Datuk Sabaruddin Chik supaya pelancong harian ke negara ini dikenakan levi, beliau berkata perkara itu memerlukan kajian yang teliti.

"Kita tidak mahulah sampai pelancong langsung tidak mahu datang sebab mereka akan dikenakan levi.

"Adalah lebih baik mereka datang dan membeli setin air minuman daripada setinpun tidak terjual kerana mereka tidak datang langsung disebabkan levi," katanya. -- Bernama.

ZAA MZM AHH